

28 NOV 1998

Umno-Suleiman

JANGAN GHAIRAH KEMPEN TIMBALAN PRESIDEN, KATA UMNO WILAYAH

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Umno Wilayah Persekutuan tidak mahu para pemimpin parti hanya ghairah berkempen untuk merebut jawatan timbalan presiden pada pemilihan parti tahun depan dan tidak memusatkan tumpuan ke arah memulihkan ekonomi negara.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Suleiman Mohamed berkata Umno Wilayah Persekutuan menolak pemimpin yang tidak menghiraukan soal parti tetapi hanya ghairah untuk merebut jawatan, tidak kira sama ada pemimpin itu seorang menteri ataupun menteri kanan.

Sehubungan itu Suleiman berkata badan perhubungan itu kurang senang dengan tindakan sesetengah pemimpin yang kini begitu ghairah berkempen untuk mencari peluang bertanding jawatan yang dikosongkan Datuk Seri Anwar Ibrahim itu berikutan pemecatannya daripada parti pada 3 Sept lepas.

Telah menjadi tradisi, timbalan presiden Umno dilantik sebagai timbalan perdana menteri negara ini.

Suleiman berkata lebih baik pemimpin-pemimpin terbabit meninggalkan masalah kedudukan dalam parti dan lebih berusaha memperkukuhkan kedudukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga presiden parti.

"Apa yang harus mereka lakukan ialah berdepan dengan pihak yang menentang Umno dan memusatkan perhatian untuk memulihkan keadaan ekonomi negara daripada berkempen ke hulu, ke hilir," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kualiti Jabatan Penerangan di sini.

Suleiman, yang juga Timbalan Menteri Penerangan berkata Umno Wilayah Persekutuan juga lebih menyokong sekiranya Dr Mahathir menunjukkan pilihan beliau sendiri untuk mengisi kekosongan jawatan kedua tertinggi itu dalam parti itu.

"Kita lebih cenderung sekiranya Dr Mahathir menunjuk (bakal timbalan perdana menteri), siapa sahaja pun (yang dipilih) kita terima dan tidak semestinya dua orang naib presiden (Umno) itu," katanya jelas merujuk kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Razak yang telah menyatakan hasrat mereka untuk bertanding jawatan timbalan presiden parti.

Seorang lagi naib presiden Umno Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib sedang bercuti.

Ketika ditanya sama ada calon timbalan perdana menteri perlu dicadangkan oleh mana-mana pihak, Suleiman berkata cadangan tidak perlu dikemukakan kerana ia adalah hak perdana menteri untuk membuat pilihan.

"Umno Wilayah menyokong sepenuhnya pilihan Dr Mahathir. Ia juga menunjukkan bahawa Dr Mahathir memang mahukan personaliti itu menjawat jawatan timbalan perdana menteri dan ini perlu diterima oleh semua peringkat dalam Umno," katanya.

Katanya Umno Wilayah Persekutuan akan membangkitkan soal itu pada mesyuarat Majlis Tertinggi akan datang.

-- BERNAMA

WNZ RON